

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan senarai semua agensi-agensi yang telah diletakkan di bawah Kementerian. Apakah usaha untuk mengoptimumkan sumber bagi agensi-agensi bertindihan fungsi dan bagaimanakah Kementerian merancang untuk membina sinergi bagi agensi-agensi yang berkaitan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Susulan penyusunan semula agensi-agensi di setiap kementerian, sebanyak 22 agensi telah diletakkan di bawah selian Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang terdiri daripada 4 jabatan/agensi, 9 syarikat milik kerajaan (GLC), 5 syarikat berhad dengan jaminan (CLG), 2 badan berkanun, sebuah badan profesional dan sebuah yayasan. Butiran terperinci adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.
2. Buat masa ini, Kementerian masih dalam proses memantapkan fungsi melalui pemindahan beberapa agensi bagi melengkapkan ekosistem pembangunan, perkhidmatan dan pembudayaan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi yang diterajui oleh MOSTI.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN 1

Bil.	Nama
<b>Jabatan / Agensi</b>	
1.	Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)
2.	Agensi Nuklear Malaysia (NUKLEAR MALAYSIA)
3.	Jabatan Kimia Malaysia (JKM)
4.	Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA)
<b>Syarikat Milik Kerajaan (GLC)</b>	
5.	Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB)
6.	Cradle Fund Sdn. Bhd.
7.	Inno Biologics Sdn. Bhd.
8.	Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.
9.	Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV)
10.	Malaysia Technology Development Corporation (MTDC)
11.	Malaysia Venture Capital (MAVCAP)
12.	MIMOS BERHAD (MIMOS)
13.	Technology Park Malaysia (TPM)
<b>Syarikat Berhad Dengan Jaminan (CLG)</b>	
14.	Crops for the Future Research Center (CFFRC)
15.	Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)
16.	Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)
17.	NanoMalaysia Berhad (NanoMalaysia)
18.	National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIMB)
<b>Badan Berkanun</b>	
19.	Agensi Inovasi Malaysia (AIM)
20.	Akademi Sains Malaysia (ASM)
<b>Badan Profesional</b>	
21.	Institut Kimia Malaysia (IKM)
<b>Yayasan</b>	
22.	Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)